

Pelaksanaan Kurikulum j-QAF oleh Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah

Sabariah Bahrun¹

Saiful Akhyar Lubis²

Fakhrul Adabi Abdul Kadir³

Abstrak

Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif. Ia bertujuan untuk melihat pelaksanaan kurikulum j-QAF oleh guru pelatih dalam aspek komitmen guru dan pihak sekolah, penggunaan kaedah dan teknik mengajar, penggunaan bahan bantu mengajar, dan aspek-aspek pembelajaran murid. Kaedah kuantitatif menggunakan instrumen soal selidik, manakala kaedah kualitatif secara pemerhatian diaplikasikan bagi menyokong soal selidik. Pemilihan sampel soal selidik adalah seramai 74 orang guru j-QAF di sebuah Institut Pendidikan Guru Malaysia di Sabah. Manakala pemilihan sampel pemerhatian pula adalah sebanyak lapan buah sekolah rendah. Sebanyak tiga soalan kajian telah dikemukakan untuk kajian ini dan analisis data kajian soal selidik menggunakan perisian SPSS dengan mempersempit kekerapan, peratus dan min. Manakala analisis pemerhatian menggunakan kekerapan telah diaplikasikan bagi menyokong dapatan soal selidik. Dapatkan kajian menunjukkan pencapaian tahap tinggi (min 3.0 – 3.96) untuk aspek komitmen guru dan sekolah, penggunaan kaedah dan teknik mengajar dan penggunaan bahan bantu mengajar. Manakala tahap sederhana tinggi (min 2.5 – 2.99) terhadap aspek-aspek pembelajaran murid dalam model-model j-QAF telah dicapai. Dalam kajian ini, dapatan pemerhatian telah menyokong dapatan soal selidik. Diharap maklumat yang diperoleh daripada hasil kajian ini dapat membantu guru j-QAF dan pihak berkenaan untuk menyelesaikan permasalahan yang timbul dalam pelaksanaan kurikulum j-QAF untuk menjamin keperkasaan Pendidikan Islam.

¹ Sabariah Bahrun, adalah Pensyarah di Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Institut Pendidikan Guru, Kampus Kent, Tuaran, Sabah, dan merupakan calon PhD di Program Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: fatimahanim@yahoo.com.

² Saiful Akhyar Lubis, PhD, adalah bekas Profesor Pelawat di Program Pendidikan Islam, Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: saiful@um.edu.my.

³ Fakhrul Adabi Abdul Kadir, PhD, adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. E-mel: fakhruladabi@um.edu.my.

Kata kunci: kurikulum j-QAF, model jawi, al-Qur'an, bahasa Arab dan fardu ain

The Implementation of j-QAF Curriculum by Training Teachers of the Teacher Education Institute, Campus Kent, Tuaran, Sabah

Abstract

This study was done using the quantitative method. It aimed to study the various aspects involved in the implementation of the j-QAF curriculum, including, the commitment of the teachers and the school authorities, methods and technique of teaching, the use of teaching aids beside the learning aspects of pupils. The quantitative method used questionnaires whereas the qualitative method used observation to support the questionnaires. A total of 74 respondents or j-QAF from a teacher education institute in Sabah took part in the survey. The observation sampling involved eight primary schools. A total of three research questions were undertaken in this study and were analysed using the SPSS to check on the frequency, percentage and mean. Meanwhile the analysis observation used to support the findings of the questionnaire. The study result showed a high level of achievement (mean 3.0 – 3.96) towards the aspects of teacher and school authorities' involvement, teaching methods and techniques and the use of teaching aids. The learning aspects of pupils underscored an average achievement (mean 2.5 – 2.99). The study findings confirmed the researched questions. It is hoped that the result attained from this survey would help the j-QAF teachers and relevant authorities to solve whatever problems that may arise in the implementation of the j-QAF curriculum towards guaranteeing the grandeur of the Islamic Education.

Keywords: *J-QAF curriculum, jawi, al-Qur'an, bahasa Arab and fardu ain model*

Pendahuluan

Program j-QAF adalah di antara program terbaru diperkenalkan dalam sistem pendidikan sekolah rendah di Malaysia. Perkataan j-QAF adalah singkatan bagi jawi, al-Qur'an, bahasa Arab dan Fardu Ain. Program j-QAF telah dilaksanakan secara berperingkat sejak 2005. Sebanyak 1221 buah Sekolah Kebangsaan seluruh negara telah terlibat dalam pelaksanaan program j-QAF peringkat

pertama.⁴ Manakala guru yang mengajar j-QAF diambil daripada graduan-graduan ijazah sarjana muda bidang Pengajian Islam. Mereka ditawarkan mengikuti Kursus Perguruan Lepasan Ijazah (KPLI) secara Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) di Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM), Bahagian Pendidikan Guru (BPG).⁵

Pelaksanaan kurikulum j-QAF sekolah rendah telah mencetuskan satu era baru dalam sistem Pendidikan Islam KBSR. Tidak mustahil sekiranya dalam masa melaksanakan kurikulum tersebut pelbagai masalah dihadapi oleh pihak-pihak tertentu dalam pendidikan. Pihak yang boleh dikatakan paling banyak menghadapi kesulitan ini ialah Guru j-QAF, Guru Pendidikan Islam (GPI), pihak pentadbir sekolah dan lain-lain institusi yang berhubung dengan pembelajaran murid kerana mereka yang menghadapi perubahan kurikulum dan kokurikulum di sekolah.

Kajian ini bertujuan untuk pertamanya, mengenal pasti sama ada guru j-QAF dan pihak sekolah memberi komitmen yang baik terhadap pelaksanaan kurikulum j-QAF. Keduanya, ia juga bertujuan untuk meninjau sama ada guru j-QAF menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar (BBM) serta kaedah dan teknik dalam mengajar j-QAF. Ketiganya, kajian ini mengesan sama ada murid-murid berminat dan menunjukkan pencapaian prestasi yang baik dalam model-model j-QAF.

Kurikulum j-QAF

Komponen kurikulum j-QAF adalah berdasarkan ajaran Islam itu sendiri. Pertamanya, al-Qur'an adalah sumber utama agama Islam yang mesti dipelajari oleh semua Muslim. Keduanya, ajaran Islam menetapkan sejumlah ilmu fardu ain yang wajib dipelajari. Ketiganya, bahasa Arab adalah bahasa al-Qur'an dan bahasa ibadah dalam Islam yang perlu dan patut diketahui. Keempatnya, tulisan jawi adalah adaptasi tulisan al-Qur'an dan Arab yang menjadi perantara khazanah ilmu Islam. Bangsa Melayu bukan sahaja menerima bahasa dan tulisan Arab sebagai bahasa

⁴ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF* (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004), 1.

⁵ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, 8.

pegangan mereka, malahan tulisan Jawi juga mampu meneguhkan lagi kedudukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Melayu dan Muslim di Malaysia.

Kurikulum j-QAF mempunyai lima buah model dalam pelaksanaannya. Model tersebut adalah Model Pemulihan Jawi, Model Khatam al-Qur'an Enam Bulan, Model Tasmik, Model Bahasa Arab Komunikasi dan Model Bestari Solat. Program j-QAF berhasrat melahirkan murid di sekolah rendah yang boleh membaca al-Qur'an hingga khatam, menguasai bahasa Arab komunikasi, asas-asas Fardu Ain dihayati dan tulisan jawi diperkuuhkan semula di sekolah rendah. Program ini merupakan usaha memperkasakan pelaksanaan Pendidikan Islam di sekolah rendah.⁶

Model Pemulihan Jawi dilaksanakan oleh guru j-QAF untuk memulihkan murid yang keciciran dalam tulisan jawi. Kelas ini dijalankan serentak dengan jadual waktu persekolahan sedia ada. Dalam tempoh enam bulan pertama bagi tahun satu, tulisan jawi diajar selama dua waktu seminggu. Manakala pada enam bulan kedua, tulisan jawi diajar selama satu waktu seminggu. Hanya seorang guru j-QAF terlibat dalam menguruskan aktiviti pemulihan jawi mengikut modul yang telah ditetapkan.⁷

Model Khatam al-Qur'an Enam Bulan pula adalah komponen pertama dalam pendidikan al-Qur'an. Ia dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dengan menggunakan peruntukan waktu Pendidikan Islam sedia ada. Model ini akan menggunakan pendekatan *talaqqī* dan *mushāfahah*, iaitu satu kaedah dan teknik pembelajaran secara bersemuka dengan guru bagi mendengar, membetul kesalahan dan menyebut semula dengan baik dan lancar. Murid yang belum menguasai bacaan al-Qur'an dibimbing dengan kaedah dan teknik *Iqra'*, sementara yang telah menguasainya diteruskan menggunakan Modul Khatam al-Qur'an Enam Bulan.⁸

⁶ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, 1.

⁷ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, 3.

⁸ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, 3.

Seterusnya Model Tasmik (*tasmi'* atau memperdengarkan) adalah komponen kedua dalam pendidikan al-Qur'an. Model ini dilaksanakan di luar waktu persekolahan normal mengikut kesesuaian, keupayaan murid dan waktu guru tasmik. Setiap murid dibimbang secara *talaqqī* dan *mushāfahah* selama sekurang-kurangnya lima minit.

Manakala Model Bahasa Arab Komunikasi (BAK) adalah sebagai mata pelajaran pilihan. Apa yang sedang dilaksanakan secara terhad pada masa ini di sekolah akan diperluaskan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun murid diwajibkan memilih BAK sekiranya tidak mengambil mata pelajaran bahasa Cina atau Tamil. Peruntukan waktu adalah 60 minit seminggu dalam jadual waktu rasmi persekolahan. Bahasa Arab diajar oleh guru bahasa Arab yang dilantik khusus. Model ini diperjelaskan dalam Buku Panduan Model-model Pengajaran dan Kokurikulum dalam bahagian Model Peluasan Perlaksanaan Bahasa Arab Komunikasi.⁹ Peluasan Pelaksanaan Bahasa Arab Komunikasi dilaksanakan seperti pelaksanaan BAK sebagai bahasa tambahan di sekolah pada masa ini, iaitu selama dua waktu seminggu. Ia diajar bersama-sama dengan mata pelajaran Bahasa Cina Komunikasi dan Bahasa Tamil Komunikasi.

Seterusnya, Model Bestari Solat adalah pengajaran fardu ain j-QAF yang menumpukan seratus peratus kepada amali solat.¹⁰ Amali solat diajar dan dilaksanakan dalam bentuk Kem Bestari Solat (KBS) sebanyak empat kali setahun. Setiap kem mengambil masa dua hari tanpa bermalam. Perjalanan program adalah berbentuk Latihan Dalam Kumpulan (LDK) tidak melebihi 10 orang dengan seorang fasilitator. Aktiviti kumpulan adalah berbentuk penerangan, perbincangan, ujian perlakuan dan ujian bacaan dalam solat. Ia dikategorikan sebagai aktiviti kokurikulum Pendidikan Islam dan dimasukkan dalam takwim sekolah.

Dapatkan Kajian dan Perbincangan

Pembentangan di atas menunjukkan bahawa kurikulum j-QAF mempunyai asas, sumber dan matlamat yang amat baik. Walau

⁹ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, 4.

¹⁰ Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, *Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF*, 4.

bagaimanapun, kurikulum yang baik ini memerlukan kaedah penyampaian dan pelaksanaan yang juga baik, agar falsafah dan hikmah di sebaliknya dapat diterapkan di kalangan murid-murid. Sehubungan itu, sebagai percontohan kes, suatu kajian dijalankan terhadap para guru pelatih di Institut Pendidikan Guru Kampus Kent, Tuaran, Sabah.

Dalam melakukan kajian, soal selidik telah dilakukan dengan melibatkan 74 orang guru j-QAF Institut Pendidikan Guru Kampus Kent yang sedang menjalani latihan dan bertugas di 70 buah sekolah seluruh Sabah. Sampel dipilih dengan menggunakan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) untuk mendapat responden yang boleh memberi maklumat menjurus kepada objektif kajian.

Jadual 1 di bawah menerangkan latar belakang responden berdasarkan aspek jantina dan pengalaman mengajar.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

	Aspek	Kekerapan	Peratusan
Jantina	Lelaki	26	35.1
	Perempuan	48	64.9
	Jumlah	74	100
Pengalaman mengajar	Pernah	46	62.2
	Tidak pernah	28	37.8
	Jumlah	74	100

Sampel yang dikaji terdiri daripada guru lelaki yang hanya 35.1 peratus (26 orang) manakala guru perempuan mendominasi jumlah responden ini iaitu 64.9 peratus (48 orang). Majoriti responden pula mempunyai pengalaman mengajar sebelum memasuki profesi perguruan menjadi guru j-QAF iaitu 62.1 peratus (46 orang). Manakala 37.9 peratus (28 orang) tidak pernah mempunyai pengalaman mengajar sebelum ini.

Selain itu, sebagai pelengkap kepada soal selidik, pemerhatian juga telah dilakukan di lapan buah sekolah yang terlibat. Berkaitan dengan hal ini, salah satu kelebihan kaedah pemerhatian ialah ia membolehkan pemerhati lebih memahami konteks di mana sesuatu aktiviti berlaku. Dalam kajian ini, kaedah pemerhatian dilaksanakan untuk dijadikan sebagai rujuk silang

(*cross checks*) untuk mengesahkan maklumat yang diperoleh daripada soal selidik.¹¹

Seterusnya, data-data yang diperoleh daripada soal selidik disemak dan diproses menggunakan program komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 11.0. Kemudian data dianalisis menggunakan kaedah analisis deskriptif untuk menerangkan taburan kekerapan, peratusan dan min. Manakala data-data yang diperoleh melalui pemerhatian juga dibentangkan secara deskriptif sebagai menyokong atau menghurai data soal selidik.

Komitmen Sekolah dan Guru-guru

Daripada kajian yang dijalankan, dapatan mengenai komitmen sekolah dan guru-guru ditunjukkan dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Komitmen Sekolah dan Guru-guru dalam Pelaksanaan j-QAF¹²

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Guru-guru sekolah benar faham tentang j-QAF	sts	3	4.1	2.49	.68
		ts	37	50.0		
		s	29	39.2		
		ss	5	6.8		
2	Guru Pendidikan Islam faham dan membantu realisasikan j-QAF	sts	0	0	3.11	.63
		ts	11	14.9		
		s	44	59.5		
		ss	19	25.7		
3	Pihak sekolah memberikan komitmen penuh dalam pelaksanaan j-QAF	sts	2	2.7	3.11	.73
		ts	10	13.5		
		s	40	54.1		
		ss	22	29.7		
4	Pihak sekolah memberikan masalah kepada guru j-QAF dalam menjalankan tugas	sts	25	33.8	2.61	.71
		ts	43	58.1		
		s	4	5.4		
		ss	2	2.7		

¹¹ Michael Q. Patton, *How to Use Qualitative Methods in Evaluation* (California: SAGE Publications, Inc., 1987), 77.

¹² Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
5	Murid non Muslim diberi peluang mengambil elektif bahasa Arab	sts	2	2.7	3.03	.68
		ts	10	13.5		
		s	46	62.2		
		ss	16	21.6		
6	Sekolah telah menjalankan KBS empat kali setahun	sts	1	1.4	3.53	.62
		ts	2	2.7		
		s	28	37.8		
		ss	43	58.1		
7	Pihak pentadbiran sekolah benar-benar faham tentang j-QAF	sts	0	0	2.61	.71
		ts	1	1.4		
		s	35	47.3		
		ss	38	51.4		

Jadual 2 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan sebanyak 16 orang (21.6%) sangat setuju bahawa pelajar non muslim juga mengambil elektif Bahasa Arab. Sebanyak 46 orang (62.2%) setuju, 10 orang (13.5%) tidak setuju dan 2 orang (2.7%) sangat tidak setuju. Min paling tinggi iaitu 3.53 bahawa sekolah telah memberi komitmen melaksanakan kem bestari solat empat kali setahun. Dapatkan kajian ini menunjukkan min sederhana tinggi di antara 2.61 hingga min 3.53 (tahap tinggi) terhadap item-item dalam pemboleh ubah ini. Hanya satu item tentang kefahaman guru-guru sekolah terhadap kurikulum ini mendapat min sederhana rendah (min 2.49).

Komitmen Guru J-QAF

Seterusnya, dapatkan mengenai komitmen guru j-QAF sendiri ditunjukkan dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3: Komitmen Guru j-QAF dalam Pelaksanaan j-QAF¹³

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Benar-benar faham tugas sebagai guru j-QAF	sts	0	0	3.50	.53
		ts	1	1.4		
		s	35	47.3		
		ss	38	51.4		

¹³ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
2	Minat menjadi guru j-QAF	sts	0	0	3.62	.51
		ts	1	1.4		
		s	26	35.1		
		ss	47	63.5		
3	Percaya diri layak menjadi guru j-QAF	sts	1	1.4	3.43	.57
		ts	0	0		
		s	39	52.7		
		ss	34	45.9		
4	Sentiasa berusaha menjadi guru j-QAF yang cemerlang dan berdedikasi	sts	0	0	3.88	.32
		ts	0	0		
		s	9	12.2		
		ss	65	87.8		
5	Percaya penguasaan jawi murid dapat dipulihkan	sts	0	0	3.31	.54
		ts	3	4.1		
		s	45	60.8		
		ss	26	35.1		
6	Yakin model tasmik dan khatam berjaya	sts	1	1.4	3.36	.58
		ts	1	1.4		
		s	42	56.8		
		ss	30	40.5		
7	KBS dapat meningkatkan amalan solat murid	sts	0	0	3.57	.55
		ts	2	2.7		
		s	28	37.8		
		ss	44	59.5		

Jadual 3 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan sebanyak 38 orang (51.4%) sangat setuju bahawa mereka benar-benar faham tugas sebagai guru j-QAF dan sebanyak 65 orang (87.8%) sangat setuju bahawa mereka sentiasa berusaha menjadi guru j-QAF yang cemerlang dan dedikasi. Manakala tahap harapan dan keyakinan guru j-QAF terhadap model-model j-QAF mendapat min 3.31 guru percaya penguasaan jawi murid dapat dipulihkan, min 3.36 yakin model tasmik dan khatam akan berjaya dan min 3.57 mempunyai harapan Kem Bestari Solat dapat meningkatkan amalan solat murid.

Penggunaan Bahan Bantu Mengajar

Seterusnya, dapatan mengenai penggunaan bahan bantu mengajar oleh guru-guru j-QAF ditunjukkan dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Penggunaan BBM dalam Pelaksanaan j-QAF¹⁴

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Penggunaan pelbagai BBM jawi	sts	1	1.4	3.39	.59
		ts	1	1.4		
		s	40	54.1		
		ss	32	43.2		
2	Penggunaan buku Iqra' menarik minat murid	sts	2	2.7	2.85	.65
		ts	16	21.6		
		s	47	63.5		
		ss	9	12.2		
3	Penggunaan pelbagai BBM mengajar al-Qur'an	sts	0	0	3.27	.58
		ts	5	6.8		
		s	44	59.5		
		ss	25	33.8		
4	Penggunaan pelbagai BBM mengajar Bahasa Arab	sts	0	0	3.45	.55
		ts	2	2.7		
		s	37	50.0		
		ss	35	47.3		
5	Penggunaan pelbagai BBM mengajar amali solat	sts	0	0	3.36	.56
		ts	3	4.1		
		s	41	55.4		
		ss	30	40.5		
6	Penggunaan pelbagai BBM yang sesuai untuk KBS	sts	0	0	3.05	.52
		ts	8	10.8		
		s	54	73.0		
		ss	12	16.2		

Jadual 4 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan bahawa keseluruhan aspek yang ditanyakan berada pada tahap tinggi (3.0 – 4.0). Manakala min sederhana tinggi iaitu 2.85 ialah pada persoalan murid berminat belajar membaca al-Qur'an menggunakan bahan Iqra'. Berdasarkan dapatan kajian penggunaan BBM menunjukkan min tahap tinggi terhadap item-item pemboleh ubah ini. Item penggunaan pelbagai BBM jawi

¹⁴ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

(min 3.39), BBM al-Qur'an (min 3.27), BBM bahasa Arab (min 3.45) dan BBM amali solat (min 3.36).

Penggunaan Kaedah dan Teknik Mengajar

Seterusnya, dapatkan mengenai penggunaan kaedah dan teknik mengajar oleh guru-guru j-QAF ditunjukkan dalam Jadual 5 di bawah.

Jadual 5: Penggunaan Kaedah dan Teknik Mengajar dalam Pelaksanaan j-QAF¹⁵

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Kaedah <i>tasmik</i> , <i>talaqqī</i> dan <i>mushāfahah</i> membantu pembelajaran al-Qur'an	sts	0	0	3.27	.60
		ts	6	8.1		
		s	42	56.8		
		ss	26	35.1		
2	Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar jawi	sts	1	1.4	3.32	.62
		ts	3	4.1		
		s	41	55.4		
		ss	29	39.2		
3	Penggunaan pelbagai kaedah dan teknik mengajar bahasa Arab	sts	0	0	3.46	.55
		ts	2	2.7		
		s	36	48.6		
		ss	36	48.6		
4	Pelaksanaan amali wuduk sangat baik dengan kaedah tunjuk cara	sts	1	1.4	3.51	.57
		ts	0	0		
		s	33	44.6		
		ss	40	54.1		
5	Menunjukkan tatacara solat dengan betul menggunakan simulasi	sts	0	0	3.05	.52
		ts	8	10.8		
		s	54	73.0		
		ss	12	16.2		
6	Kaedah KBS sepatutnya dilaksanakan lebih 4 kali setahun	sts	9	12.2	2.77	.95
		ts	17	23.0		
		s	30	40.5		
		ss	18	24.3		

Jadual 5 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan bahawa kesemua aspek yang ditanyakan mendapat min tahap tinggi iaitu daripada

¹⁵ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

3.0 hingga 4.0. Hanya persoalan mengenai keperluan mengadakan kem bestari solat lebih dari empat kali setahun mendapat min sederhana tinggi iaitu 2.77. Item penggunaan kaedah tasmik, *talaqqī* dan *mushāfahah* (min 3.27), pelbagai kaedah dan teknik mengajar jawi (min 3.32), pelbagai kaedah dan teknik mengajar bahasa Arab (min 3.46), kaedah tunjuk cara amali solat (min 3.51) dan simulasi amali solat (min 3.05). Berkenaan kaedah Kem Bestari Solat empat kali setahun, min sederhana tinggi (2.77) bahawa KBS sepatutnya dilaksanakan lebih empat kali setahun. Ini menunjukkan guru j-QAF lebih bersetuju kem ini diadakan empat kali setahun sahaja seperti yang sedia ada.

Minat dan Perhatian Murid

Seterusnya, dapatan mengenai minat murid terhadap pelaksanaan j-QAF ditunjukkan dalam Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Minat Murid terhadap Pelaksanaan j-QAF¹⁶

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Minat belajar al-Qur'an menggunakan buku Iqra'	sts	2	2.7	2.85	.65
		ts	16	21.6		
		s	47	63.5		
		ss	9	12.2		
2	Pelajar non Muslim juga mengambil elektif bahasa Arab	sts	2	2.7	3.03	.68
		ts	10	13.5		
		s	46	62.2		
		ss	16	21.6		
3	Pelajar non Muslim minat belajar bahasa Arab	sts	1	1.4	3.05	.63
		ts	10	13.5		
		s	47	63.5		
		ss	16	21.6		
4	Minat belajar membaca huruf-huruf jawi	sts	0	0	2.96	.56
		ts	13	17.6		
		s	51	68.9		
		ss	10	13.5		

¹⁶ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
5	Murid minat belajar bahasa Arab	sts	0	0	3.22	.55
		ts	5	6.8		
		s	48	64.9		
		ss	21	28.3		

Jadual 6 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan bahawa murid memang berminat belajar bahasa Arab berdasarkan min yang paling tinggi iaitu 3.22. Dalam masa yang sama, secara perbandingan, didapati murid kurang berminat belajar al-Qur'an menggunakan bahan Iqra' berdasarkan min yang paling rendah iaitu 2.85. Pelajar non muslim mengambil elektif bahasa Arab (min 3.05), pelajar non muslim minat belajar bahasa Arab (min 3.05), minat belajar jawi (min 2.96) dan minat belajar Bahasa Arab (min 3.22). Pemerhatian penyelidik turut mendapati majoriti murid meminati P&P melalui model-model j-QAF.

Prestasi Murid dalam Model-model j-QAF

Seterusnya, dapatkan mengenai prestasi murid dalam Model Pemulihan Jawi ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Prestasi Model Pemulihan Jawi
Murid dalam Pelaksanaan j-QAF¹⁷

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Murid dapat mengenal huruf jawi dengan baik	sts	1	1.4	3.04	.60
		ts	9	12.2		
		s	50	67.6		
		ss	14	18.9		
2	Prestasi peratus markah pemulihan jawi	>50%	3	4.0	2.61	.65
		50-64%	27	36.5		
		65-79%	40	54.1		
		80-100%	4	5.4		
3	Murid dapat membaca huruf jawi dengan baik	sts	0	0	2.96	.56
		ts	13	17.6		
		s	51	68.9		
		ss	10	13.5		

¹⁷ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
4	Murid dapat menulis huruf jawi dengan baik	sts	1	1.4	2.74	.66
		ts	9	12.1		
		s	50	67.6		
		ss	14	18.9		

Jadual 7 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan bahawa prestasi murid dalam Model Pemulihan Jawi mendapat tahap sederhana tinggi iaitu daripada 2.61 hingga 2.96, kecuali prestasi untuk mengenal huruf jawi yang mendapat min tertinggi iaitu 3.04 menjadikannya aspek yang paling baik. Seterusnya, dapatkan mengenai prestasi murid dalam Model Khatam al-Qur'an dan Tasmik ditunjukkan dalam Jadual 8 di bawah.

Jadual 8: Prestasi Model Khatam al-Qur'an dan Tasmik Murid dalam Pelaksanaan j-QAF¹⁸

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Murid dapat mengenali huruf al-Qur'an	sts	0	0	3.28	.60
		ts	6	8.1		
		s	41	85.4		
		ss	27	36.5		
2	Prestasi peratus markah bacaan al-Qur'an	>50%	5	6.8	2.72	.80
		50-64%	22	29.7		
		65-79%	36	48.6		
		80-100%	11	14.9		
3	Murid dapat membaca huruf al-Qur'an dengan baik	sts	2	2.7	3.23	.67
		ts	4	5.4		
		s	43	58.1		
		ss	25	33.8		

Analisis dapatkan memaparkan Jadual 8 berkenaan aspek prestasi murid dalam Model Khatam al-Qur'an dan Tasmik. Dapatkan menunjukkan prestasi murid berada di antara min 2.72 (sederhana rendah) hingga min 3.28 (tinggi). Item murid dapat mengenali huruf al-Qur'an mendapat min yang tinggi iaitu 3.28. Seterusnya, dapatkan mengenai prestasi murid dalam Model Bahasa Arab Komunikasi ditunjukkan dalam Jadual 9 di bawah.

¹⁸ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

Jadual 9: Prestasi Model Bahasa Arab Komunikasi
Murid dalam Pelaksanaan j-QAF¹⁹

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Prestasi peratus markah bahasa Arab	>50%	4	5.4	2.62	.75
		50-64%	28	37.8		
		65-79%	34	45.9		
		80-100%	8	10.8		
2	Murid dapat membaca perkataan bahasa Arab	sts	1	1.4	3.31	.59
		ts	2	2.7		
		s	44	59.4		
		ss	27	36.5		
3	Murid dapat menulis perkataan bahasa Arab	sts	0	0	3.25	.51
		ts	3	4.0		
		s	51	69.0		
		ss	20	27.0		
4	Murid dapat bercakap beberapa perkataan bahasa Arab	sts	0	0	3.19	.48
		ts	3	4.0		
		s	54	73.0		
		ss	17	23.0		

Analisis dapatan memaparkan Jadual 9 berkenaan aspek prestasi murid dalam Model Bahasa Arab Komunikasi. Terdapat 4 item tentang aspek ini dan dapatan menunjukkan prestasi murid berada di antara min 2.62 (sederhana rendah) hingga min 3.31 (tinggi). Item prestasi peratus markah bahasa Arab murid mendapat min 2.62 manakala murid dapat membaca perkataan Arab mendapat min 3.31.

Seterusnya, dapatan mengenai prestasi murid dalam Model Bestari Solat ditunjukkan dalam Jadual 10 di bawah.

¹⁹ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

**Jadual 10: Prestasi Model Bestari Solat
Murid dalam Pelaksanaan j-QAF²⁰**

Bil.	Pernyataan	Tahap	Ker	Per	Min	SP
1	Murid berwuduk dengan betul dan sah	sts	0	0	3.18	.47
		ts	3	4.1		
		s	55	74.3		
		ss	16	21.6		
2	Menunjukkan tatacara solat dengan betul dan sah	sts	0	0	3.05	.52
		ts	8	10.8		
		s	54	73.0		
		ss	12	16.2		
3	Peratus markah amalan solat	>50%	2	2.7	2.95	.66
		50-64%	12	16.2		
		65-79%	48	64.9		
		80-100%	12	16.2		

Jadual 10 boleh dirumuskan sebagai menunjukkan bahawa murid berwuduk dengan betul dan sah mendapat min 3.18, murid dapat menunjukkan tatacara solat dengan betul dan sah mendapat min 3.05, manakala peratus markah amalan solat mendapat min 2.95. Dapatkan ini menunjukkan, para guru dan murid perlu meningkatkan lagi aspek latihan dan amalan solat terutamanya apabila Model Bestari Solat dijalankan di sekolah. Secara keseluruhannya, data mengenai prestasi murid dalam pelaksanaan j-QAF menunjukkan bahawa min paling tinggi adalah prestasi murid membaca beberapa patah perkataan Arab iaitu 3.31. Manakala min paling rendah adalah prestasi murid dalam peratus peningkatan markah penulisan jawi iaitu 2.61. Namun min ini masih berada pada tahap sederhana tinggi.

Cadangan

Daripada hasil kajian ini, penyelidik ingin memberi beberapa cadangan kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), pengurusan sekolah, Guru Pendidikan Islam (GPI), semua guru, guru j-QAF, ibu bapa, semua pelajar dan kepada pihak yang berminat dengan kajian ini:

²⁰ Petunjuk: Ker = kekerapan, Per = peratusan, sts = sangat tidak setuju, ts = tidak setuju, s = setuju, ss = sangat setuju.

Kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

KPM yang dimaksudkan di sini adalah semua bahagian yang terlibat dalam KPM yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan j-QAF seperti Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM), Pusat Perkembangan Kurikulum, Unit Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Sektor Pengurusan Pendidikan Islam dan Moral dan Jabatan Pendidikan di setiap peringkat dan lain-lain. Pertama, penyelidik menyarankan agar maklumat dan informasi yang jelas hendaklah sentiasa disebarluaskan kepada masyarakat tentang program j-QAF ini. Pelbagai saluran komunikasi hendaklah digunakan umpamanya siaran-siaran di radio dan televisyen. Ini bertujuan mengelakkan sebarang kekaburuan dan kekeliruan orang ramai tentang pelaksanaan dan hala tuju program ini.

Penerangan yang jelas juga hendaklah dipastikan sampai kepada setiap pengurusan sekolah, warga sekolah dan guru j-QAF sendiri. Bimbingan dan pemantauan hendaklah dijalankan secara berterusan terhadap setiap sekolah bagi memastikan tidak ada sekolah yang tercicir dan terpencil daripada program ini. Program motivasi dan kursus-kursus hendaklah terus diberikan kepada guru j-QAF bertujuan meningkatkan profesionalisme guru dan kesedaran tentang besarnya tanggungjawab mereka sebagai pendidik ke arah melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan beramal.

Kedua, unjuran pengambilan guru j-QAF hendaklah ditambah lagi kerana terdapat kes-kes kekurangan guru j-QAF di beberapa sekolah yang terletak di kawasan penduduk berkepadatan tinggi seperti bandar dan pinggir bandar. Masalah ini telah dikenalpasti di beberapa buah sekolah sekitar Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau. Begitu juga sekolah yang tidak mendapat penambahan guru j-QAF perlu disenaraikan. Justeru penyelidik mencadangkan pengagihan guru j-QAF perlu dilaksanakan sesuai dengan keperluan sekolah untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran dan untuk memastikan kurikulum yang dirancang dan digubal akan mencapai objektifnya. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, tidak mustahil objektif kurikulum j-QAF untuk memperkasakan Pendidikan Islam akan gagal lagi.

Begitu juga segala maklumat terkini tentang j-QAF hendaklah dimaklumkan kepada pihak BPG dan pihak Institut

Pendidikan Guru (IPG) kerana mereka bertanggungjawab memberi latihan perguruan guru j-QAF. Sekiranya pihak sekolah menerima maklumat sedangkan pihak BPG tidak mendapat maklumat, sudah pasti akan timbul kekeliruan yang boleh menjelaskan pelaksanaan j-QAF.

Begitu juga pemantauan KPM terhadap sistem penyampaian bahan-bahan j-QAF ke sekolah-sekolah perlu diperkemaskan. Ini disebabkan bahan-bahan tersebut masih ada yang belum sampai ke sekolah. Di antaranya sukanan pelajaran, huraian sukanan pelajaran, buku teks Bahasa Arab, bahan bantu mengajar (BBM) dan lain-lain.

Ketiga, berkenaan kekurangan waktu pemulihan jawi, mungkin pihak KPM perlu merancang pendekatan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Masa 30 minit seminggu adalah tidak mencukupi untuk pelajaran jawi. Begitu juga peruntukan kewangan untuk setiap murid dalam Kem Bestari Solat perlu dikaji semula. Peruntukan yang ada sekarang amat berkurangan dan pihak sekolah merasa terbeban melaksanakan program tersebut sebanyak empat kali setahun dengan modal yang terhad.

Keempat, pemilihan dan lantikan guru j-QAF hendaklah bersesuaian dengan kelulusan guru tersebut. Terutamanya guru Bahasa Arab hendaklah dilantik daripada kalangan guru yang mempunyai kelulusan Bahasa Arab yang sesuai. Begitu juga untuk meningkatkan kemahiran Guru Pendidikan Islam dan guru j-QAF dalam ejaan jawi terkini, KPM perlu melaksanakan kursus-kursus jawi yang menyeluruh dan memastikan setiap guru terdedah dengan kemahiran jawi sistem ejaan baharu.

Kepada Guru j-QAF

Guru j-QAF hendaklah sentiasa sedia belajar dan meningkatkan lagi kemahiran dan pengalaman yang diperlukan untuk menjadi guru j-QAF yang berkesan. Kemahiran tentang kaedah dan teknik mengajar, kemahiran membina dan menggunakan BBM, kemahiran psikologi pendidikan, kemahiran ICT, kemahiran komunikasi dan kepimpinan guru hendaklah sentiasa ditingkatkan. Ilmu dan kemahiran bukannya boleh diperolehi dalam tempoh yang singkat dan sekelip mata, namun perlu dipelajari dan terus difahami dari semasa ke semasa tanpa mengenal rasa jemu.

Guru j-QAF hendaklah sentiasa merujuk kepada pihak yang sepatutnya seperti pentadbir sekolah, guru-guru *senior*, jabatan pelajaran dan sebagainya bagi memastikan segala maklumat yang terkini berada dalam pengetahuan dan tindakan guru j-QAF. Guru j-QAF juga hendaklah sentiasa bersedia menerima teguran dan penambahbaikan dari sesiapa sahaja termasuk rakan sekerja dan ibu bapa serta mewujudkan hubungan yang baik dengan semua pihak. Sekiranya telah wujud hubungan dan persefahaman yang baik, pelaksanaan j-QAF akan lebih berkesan kerana terdapat kerjasama dan bantu membantu meringankan tanggungjawab yang dipikul.

Keberkesanan sesuatu kurikulum banyak bergantung kepada keupayaan guru melaksanakannya. Oleh itu setiap guru j-QAF mestilah mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang isi kandungan j-QAF yang hendak diajar, ilmu pedagogi dan ilmu psikologi pendidikan. Guru j-QAF hendaklah sentiasa memotivasi diri dan sentiasa bersemangat meneruskan tugas mendidik anak murid. Ini bersesuaian dengan peranan guru Pendidikan Islam adalah sebagai *mu'allim, mudarris, muaddib, murabbi* dan *mursyid*. Guru j-QAF juga hendaklah menjalankan peranan dalam masyarakat, kerana mereka lah yang arif tentang ilmu keagamaan dan boleh dirujuk oleh masyarakat sekitar.

Kepada Pihak Sekolah dan Guru-guru

Pihak sekolah dan pentadbir sekolah hendaklah memberi bimbingan, bantuan dan sokongan padu kepada guru j-QAF melaksanakan tugas ini. Menurut Pusat Perkembangan Kurikulum KPM, Guru Besar merupakan ketua organisasi bagi melahirkan staf yang komited dan sebagai seorang pengurus yang dapat membimbangi mereka yang patuh kepada peraturan kurikulum. Justeru peranan pihak sekolah penting bagi memastikan kelancaran pelaksanaan kurikulum. Program j-QAF yang telah menjadi aspirasi negara, harus dipikul oleh semua pihak. Adalah kurang sesuai sekiranya beban tugas ini diserahkan sepenuhnya kepada guru j-QAF kerana fungsi guru j-QAF adalah pembantu kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) menyempurnakan objektif Pendidikan Islam di sekolah. Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan jelas menggariskan bahawa objektif utama pendidikan di sekolah adalah melahirkan insan yang seimbang dan harmonis

dengan berpaksikan kepercayaan kepada Tuhan. Tugas mendidik anak bangsa adalah tanggungjawab dan cabaran yang perlu dipikul oleh setiap warga pendidik. Perjalanan kelas tasmik misalnya perlu diberi bantuan oleh GPI dan guru-guru yang berkebolehan membaca al-Quran dengan baik. Begitu juga dengan tenaga fasilitator Kem Bestari Solat (KBS) perlu digembleng di sekolah bagi memastikan KBS berjalan dengan jayanya.

Persatuan j-QAF di sekolah hendaklah dibentuk dan melaksanakan aktiviti secara proaktif. Pentadbiran sekolah perlu memantau perjalanan persatuan ini agar benar-benar menepati saranan penubuhannya. Pihak sekolah juga perlu mengadakan pertemuan dengan ibu bapa dan memberi penjelasan berkenaan kurikulum j-QAF terutama pelaksanaan kelas tasmik, kem bestari solat dan penawaran BAK kepada pelajar non muslim. Pihak sekolah juga perlu melihat dan merancang untuk merealisasikan kelas khas pemulihan jawi seperti yang disarankan KPM. Terdapat ruang yang mungkin boleh diubah suai untuk melaksanakan tujuan tersebut.

Pihak sekolah perlu mengadakan perjumpaan dengan ibu bapa dan memberi taklimat tentang kurikulum j-QAF dan pelaksanaannya. Penjelasan perlu diberikan tentang penawaran mata pelajaran Bahasa Arab kepada semua murid, kehadiran murid dalam kelas tasmik dan KBS. Sekiranya ibu bapa faham, penyelidik yakin ibu bapa akan mengambil berat tentang penglibatan anak-anak mereka dalam j-QAF.

Kepada Ibu bapa

Kejayaan anak-anak banyak bergantung kepada peranan yang disempurnakan oleh ibu bapa. Ibu bapa sebagai contoh teladan kepada anak-anak bertanggungjawab mendidik dan mengajar anak-anak semenjak mereka kecil lagi. Bertepatan dengan hadis Rasulullah S.A.W yang mengatakan bahawa setiap anak yang lahir adalah suci dan bersih. Maka kedua ibu bapalah yang mencorakkan anak tersebut. Sekiranya ibu bapa tidak dapat mengajar anak-anak asas-asas bacaan, al-Quran dan keagamaan, maka wajarlah mereka menghantar anak-anak kepada guru yang dapat membantu mengajar anak mereka. Bertepatan dengan apa yang diamalkan di zaman Rasulullah S.A.W iaitu anak-anak orang Islam telah diajar membaca oleh tawanan perang Badar. Justeru,

ibu bapa juga hendaklah memberi sokongan terhadap pelaksanaan kurikulum j-QAF terutamanya kehadiran murid dalam kelas tasmik dan Kem Bestari Solat.

Kepada Semua Pelajar

Setiap pelajar perlu insaf dan sedar bahawa pengetahuan dan kemahiran jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan fardu ain amat penting dalam kehidupan sehari-hari khususnya sebagai seorang Muslim. Bagi pelajar bukan Islam, pengetahuan mereka terhadap pelajaran tersebut mempunyai kelebihan tersendiri kerana mereka menjadi pelajar yang berpengetahuan luas dan pelbagai. Pelajar hendaklah sentiasa berusaha agar dapat menguasai mata pelajaran j-QAF dengan baik agar dapat mempersiapkan diri meneruskan tanggungjawab mereka sebagai generasi akan datang.

Penutup

Hasil perbincangan yang telah dilakukan dalam kajian ini, beberapa rumusan dapat diambil, iaitu pertamanya, dapatan kajian menunjukkan kurikulum j-QAF sememangnya penting dilaksanakan di sekolah. Penyelidik telah membuat pemerhatian dan merumuskan semua guru j-QAF tersebut amat memahami kepentingan kurikulum ini diperkenalkan dan dilaksanakan.

Kedua, merujuk kepada komitmen sekolah dan guru-guru, analisis dapatan kajian ini menunjukkan maklumat tentang kurikulum ini masih tidak begitu jelas difahami oleh kebanyakan guru-guru sekolah. Namun kajian ini mendapati guru j-QAF memberi komitmen yang tinggi terhadap program j-QAF. Begitu juga, semua sekolah menerima dengan positif kurikulum j-QAF.

Ketiga, penyelidik mendapati, aspek minat murid banyak dipengaruhi oleh personaliti dan pendekatan seseorang guru. Kemahiran guru, profesionalisme guru, penggunaan BBM dan kaedah dan teknik banyak mempengaruhi sikap murid. Jelas bahawa, peranan guru cukup berat kerana perlu mengaplikasikan pelbagai kemahiran dan ilmu untuk memastikan P&P berkesan.

Keempat, kajian ini mendapati aspek prestasi murid dalam model-model j-QAF berada pada tahap sederhana. Didapati sesetengah murid-murid pemulihan masih menghadapi masalah mendiskriminasikan bentuk huruf, kedudukan, sebutan konsonan dan vokal. Walau bagaimanapun, penyelidik beranggapan, prestasi

tahap sederhana tinggi dan tinggi yang telah dicapai oleh murid dalam model ini ada kelebihannya. Ini adalah kerana murid-murid masih berada di tahun satu dan dua, sudah pasti pencapaian lebih baik akan dicapai apabila mereka menjalani kelas pemulihan ini secara berterusan sehingga mereka berjaya menguasainya beberapa tempoh masa lagi.

Jelasnya, Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang amat penting sekali. Ia menjadi bidang yang tidak dapat dipisahkan dalam Islam dan merupakan ibadat yang besar. Kedudukan dan kepentingan pendidikan itu amat jelas apabila kita meneliti ayat al-Qur'an yang pertama diturunkan. Ia tidak dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti solat, tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan pendidikan.²¹ Allah berfirman dalam al-Qur'an,

أَفْرُوا بِاسْمِ رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَ²². خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَصِيقٍ. أَفْرُوا وَرَبُّكُمُ الْأَكْرَمُ. الَّذِي
عَلَمَ بِالْقُلُوبِ.

Terjemahan: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku; bacalah dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan.²³

Wahyu ini adalah perintah Ilahi kepada rasul-Nya SAW supaya mengisyiharkan dan menyebarkan risalah kepada semua umat manusia. Wahyu yang pertama ini mengandungi perintah yang menyuruh manusia belajar mengenal Tuhan, memahami fenomena alam dan diri sendiri serta menghayati bahawa cara hidup yang baik adalah tergolong dalam prinsip akidah, ilmu dan amal. Ketiga-tiga perkara ini pula dianggap sebagai teras kepada Falsafah Pendidikan Islam yang didukung oleh program j-QAF.

²¹ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran* (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1997/2004), 1.

²² Al-Qur'an, al-'Alaq (96):1-4.

²³ Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an* (30) Juz (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010), 1704.

Bibliografi

- Al-Qur'an.
- Abdullah Basmeih, Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an (30) Juz (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 2010).
- Ahmad Mohd Salleh, Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran (Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti, 1997/2004).
- Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, Buku Panduan Dasar Perlaksanaan dan Pengurusan Kurikulum j-QAF (Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia, 2004).
- Patton, Michael Q., How to Use Qualitative Methods in Evaluation (California: SAGE Publications, Inc., 1987).

